

14 OCT 1997

Mahathir-Sokong

MASYARAKAT THAI DAN INDIA MUSLIM SOKONG PM

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Masyarakat Malaysia keturunan Thai hari ini melahirkan sokongan mereka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani apa-apa masalah negara.

Senator Charern Intachat, dalam satu kenyataan hari ini melahirkan rasa kesal terhadap harian berbahasa Inggeris di Thailand "The Nation" yang mengkritik kepimpinan dan kewibawaan Dr Mahathir.

"Tolong jangan campur tangan dalam hal ehwal dalam negara Malaysia," kata senator daripada keturunan Thai itu sebagai mengulas lidah pengarang akhbar itu semalam yang mengkritik Dr Mahathir.

Bagaimanapun, Senator Charern berkata pandangan akhbar itu tidak semestinya mewakili pandangan seluruh rakyat dan pandangan kerajaan Thai.

Sehubungan dengan itu beliau berkata masyarakat Malaysia keturunan Thai juga berdiri teguh di belakang Perdana Menteri dalam usaha menangani krisis mata yang dan kejatuhan pasaran saham sekarang.

"Kami yakin dengan sokongan padu semua pihak dan lapisan masyarakat Dr Mahathir sekali lagi dapat memulihkan kedudukan wang dan ekonomi negara ini," kata beliau.

Katanya Dr Mahathir sebagai pemimpin yang berwibawa telah membuktikan keupayaan kepimpinannya selama 16 tahun dan ini dengan sendirinya menafikan segala dakwaan pengkritiknya, katanya.

Sementara itu, Pergerakan Belia India Muslim Malaysia (GEPIMA) menyatakan ikrar terus dan tetap berdiri teguh di belakang Perdana Menteri "biar dalam apa keadaan sekali pun."

Dalam kenyataan yang dikeluarkan hari ini, Presidenn GEPIMA Mohamed Kathir Ali berkata kepimpinan Dr Mahathir banyak membawa pembaharuan dan kemajuan.

Katanya di bawah kepimpinannya juga rakyat pelbagai kaum di negara ini dapat mengecapi keharmonian hidup. -- BERNAMA

HT NMO